

NGO lapor pada SPRM isu FELDA
Malaysiakini.com
June 28, 2010

Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK) akan membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Julai dan menyerahkan "dokumen lengkap" dakwaan 'salah guna kuasa' dalam Lembaga Tanah Persekutuan (FELDA).

"Kita minta SPRM buat siasatan. (Kerajaan) jangan cuba memperbodoh-bodohkan rakyat," kata Mazlan Aliman (kiri sekali) dalam sidang media di ibu pejabat PAS di ibu negara pagi ini.

Tarikh aduan itu dibuat akan dimaklumkan kemudian kepada pihak media, tambah Mazlan lagi.

Turut hadir dalam anggota majlis pimpinan pusat PKR Datuk Dr Tan Kee Kwong yang juga bekas timbalan menteri pembangunan usahawan dan koperasi.

Mazlan berkata, dokumen tersebut sebagai dokumen sokongan mengandungi jumlah pendapatan FELDA dan aktiviti yang dijalankan oleh 43 anak syarikatnya.

Mazlan yang juga ahli jawatankuasa pusat PAS berkata, tindakan itu susulan tiga laporan polis pada 23 Jun, 25 Jun dan hari ini - masing-masing di Temerloh, Kota Tinggi dan Segamat - berhubung dakwaan kepincangan dan salah urus agensi kerajaan itu.

Sebelum ini, ahli parlimen Klang Charles Santiago turut membuat laporan kepada SPRM atas dakwaan yang sama - kemerosotan rizab kewangan tunai FELDA yang menjunam RM2.73 bilion dalam tempoh lima tahun - seperti dijelaskan Ahmad di Parlimen.

Bercakap dalam sidang media itu juga, Mazlan berkata, beliau telah melihat aduan yang dikemukakan oleh Charles itu dan mendakwa dokumen yang akan diserahkan "lebih terperinci".

"Ia satu laporan yang lebih terperinci (berbanding laporan Charles)," katanya sambil menunjukkan buku laporan rasmi FELDA.

Sementara Dr Tan pula berkata sebelum Perdana Menteri Najib Razak menerajui FELDA pada 2005 semuanya "baik, OK dan berimej sederhana".

"Sebaliknya selepas beliau ambil alih, semuanya habis," katanya.